



o **MRT CORP**

## Minta buah fikiran umum

**Mass** Rapid Transit Corp Sdn Bhd (MRT Corp) sudah meminta pandangan orang awam berhubung projek transit aliran massa Lembah Klang (KVMRT) Sungai Biloh-Kajang yang sedang dilaksanakannya, kata Ketua Eksekutifnya, Datuk Azhar Abdul Hamid.

Dalam kenyataan maklum balas kepada satu memorandum dibuat oleh komuniti Jalan Sultan kepada MRT Corp kelmarin, Azhar berkata tiada satu pun isu dibangkitkan adalah perkara yang baru malah syarikat itu secara konsisten telah menjawab persoalan serupa.